

# KEMAHIRAN ASAS MEMBACA BAHASA ARAB MENGGUNAKAN BUKU IQRA' DI PERINGKAT SEKOLAH AGAMA KOTA MASAI

## BASIC ARABIC READING SKILLS USING THE IQRA' BOOK AT THE KOTA MASAI RELIGIOUS SCHOOL LEVEL

Faridah Binti Ibrahim<sup>1</sup>  
Muhammad Bin Suhaimie<sup>2</sup>  
Hazlina Binti Hasaran<sup>3</sup>  
Diaya Ud Deen Deab Mahmoud Al Zitawi<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Universiti Teknologi Malaysia

Email: faridah.ibrahim@graduate.utm.my

<sup>2</sup> Universiti Teknologi Malaysia

Email: muhammadsuhaimie@graduate.utm.my

<sup>3</sup> Universiti Teknologi Malaysia

Email: hazlina-76@graduate.utm.my

<sup>4</sup> Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences and Humanities, University Technology Malaysia (UTM), Malaysia, (E-mail: diaya@utm.my)

### Article history

Received date : 10-2-2025

Revised date : 11-2-2025

Accepted date : 19-3-2025

Published date : 27-3-2025

### To cite this document:

Ibrahim, F., Suhaimie, M., Hasaran, H. & Mahmoud Al Zitawi, D. U. D. (2025). Kemahiran asas membaca Bahasa Arab menggunakan Buku Iqra' di peringkat sekolah Agama Kota Masai. *Journal of Islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 392- 408.

**Abstrak:** Kemahiran membaca dalam Bahasa Arab merupakan elemen asas yang amat penting dalam pendidikan agama Islam dan pembelajaran al-Quran. Sebagai panduan utama, buku Iqra' memainkan peranan besar dalam membentuk asas penguasaan huruf dan sebutan. Namun, pelajar di Malaysia sering menghadapi cabaran besar dalam menguasai kemahiran ini, terutamanya disebabkan oleh perbezaan sistem abjad dan kekangan pendekatan pengajaran yang kurang fleksibel. Walaupun ramai murid menunjukkan minat mendalam terhadap pembelajaran Bahasa Arab, kesukaran sering timbul apabila integrasi antara pendekatan buku Iqra' dengan buku teks Bahasa Arab kurang berkesan. Murid yang gemar membaca sering merasakan bahawa kaedah buku Iqra' lebih mudah difahami kerana ia disusun secara sistematik dan bertahap. Sebaliknya, buku teks Bahasa Arab kadangkala dianggap kurang mesra pelajar kerana elemen tatabahasa dan kandungannya yang lebih kompleks. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana kaedah buku Iqra' dapat diintegrasikan dalam pembelajaran kemahiran membaca Bahasa Arab. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, analisis kandungan buku Iqra' dan pemerhatian di sekolah agama telah dijalankan bagi memahami impaknya terhadap pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan sistematik buku Iqra' mampu meningkatkan kemahiran membaca pelajar secara signifikan, terutama dalam penguasaan huruf, sebutan, dan penyusunan perkataan. Namun begitu, beberapa kekurangan telah dikenalpasti. Antaranya, ketiadaan elemen tatabahasa

yang komprehensif, kekurangan integrasi teknologi, serta kandungan yang kurang relevan untuk pelajar dewasa. Bagi mengatasi kelemahan ini, kajian mencadangkan pengenalan aplikasi mudah alih yang interaktif, latihan kontekstual yang menekankan situasi sebenar, serta ujian berstruktur untuk menilai keberkesanan pembelajaran. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa buku *Iqra'*, dengan penambahbaikan yang sesuai, boleh menjadi alat pembelajaran utama yang bukan sahaja membantu meningkatkan kemahiran membaca pelajar, tetapi juga memperkuuh hubungan mereka dengan bahasa, budaya, dan agama Islam. Pengintegrasian elemen moden menjadikan buku *Iqra'* sebuah medium yang relevan dan inovatif, menghubungkan tradisi dengan keperluan pendidikan moden. Melalui inovasi ini, murid dapat menikmati pengalaman pembelajaran yang lebih menarik, bermakna, dan berkesan.

**Kata kunci:** kaedah iqra', kemahiran membaca, pendidikan asas, sekolah agama.

**Abstract:** *Reading skills in Arabic are a fundamental element in Islamic religious education and Quranic learning. As a primary guide, the Iqra' book plays a crucial role in shaping the foundation of letter recognition and pronunciation. However, students in Malaysia often face significant challenges in mastering these skills, mainly due to differences in the alphabet system and the limitations of less flexible teaching approaches. Despite many students showing a keen interest in learning Arabic, difficulties arise when the integration of the Iqra' method with Arabic textbooks is ineffective. Students who enjoy reading often find the Iqra' method easier to understand due to its structured and progressive arrangement. Conversely, Arabic textbooks are sometimes perceived as less student-friendly due to their complex grammar and content. This study aims to evaluate the extent to which the Iqra' method can be integrated into Arabic reading skill development. Using a qualitative approach, content analysis of the Iqra' book and observations in religious schools were conducted to assess its impact on students. The findings indicate that the systematic approach of the Iqra' book significantly enhances students' reading skills, particularly in letter recognition, pronunciation, and word arrangement. However, several limitations were identified, including the absence of comprehensive grammar elements, lack of technological integration, and content that is less relevant for adult learners. To address these weaknesses, this study suggests introducing interactive mobile applications, contextual exercises that emphasize real-life situations, and structured assessments to evaluate learning effectiveness. The implications of this research show that with appropriate improvements, the Iqra' book can serve as a primary learning tool that not only enhances students' reading skills but also strengthens their connection with the Arabic language, culture, and Islamic teachings. The integration of modern elements makes the Iqra' book a relevant and innovative medium, bridging tradition with modern educational needs. Through these innovations, students can experience a more engaging, meaningful, and effective learning journey.*

**Keywords:** *Iqra' method, reading skills, basic education, religious schools*

## Pendahuluan

Kemahiran membaca merupakan elemen asas yang sangat penting dalam pembelajaran bahasa, termasuk Bahasa Arab. Di Malaysia, Bahasa Arab bukan sekadar diajarkan sebagai satu subjek bahasa, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pendidikan agama Islam. Hal ini kerana Bahasa Arab merupakan bahasa utama al-Quran dan menjadi rujukan dalam syariat Islam. Walau bagaimanapun, penguasaan kemahiran membaca Bahasa Arab sering menjadi cabaran bagi pelajar disebabkan oleh perbezaan sistem abjad, struktur tatabahasa, dan pendekatan pengajaran yang kurang terstruktur (Rosada & Amrulloh, 2018).

Dalam usaha menangani cabaran ini, buku Iqra' telah diperkenalkan sebagai bahan pengajaran asas yang bertujuan membantu pelajar memahami dan membaca huruf-huruf Arab dengan pendekatan yang sistematik dan mudah (Fauziyah, 2022). Walaupun keberkesanannya dalam memperkuuh asas pembacaan telah diiktiraf, pelaksanaan penggunaannya masih menghadapi pelbagai permasalahan. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran utama yang telah dikenalpasti dalam penggunaan buku Iqra' untuk meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Arab. Antaranya adalah perbezaan sistem abjad yang menyulitkan pelajar, pendekatan pengajaran yang kurang interaktif dan terlalu berpusat kepada guru, serta kekurangan bahan pengajaran yang berstruktur. Di samping itu, wujud jurang prestasi antara pelajar yang cepat memahami dan mereka yang memerlukan bimbingan tambahan. Cabaran-cabaran ini perlu ditangani untuk memastikan keberkesanannya dalam pembelajaran Bahasa Arab. Di kebanyakan institusi, kaedah pengajaran Bahasa Arab masih bersifat tradisional dan kurang interaktif. Pendekatan ini sering mengabaikan keperluan individu pelajar, menyebabkan jurang prestasi antara pelajar yang cepat memahami dan mereka yang memerlukan bimbingan tambahan (Satria, 2019). Selain itu, bahan pengajaran yang tidak berstruktur menyukarkan pelajar untuk membina asas pembacaan yang kukuh dalam Bahasa Arab. Oleh itu, integrasi pendekatan pengajaran yang inovatif dan sistematik perlu dipertimbangkan bagi meningkatkan keberkesanannya dalam pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di Malaysia. Objektif utama kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi dalam penggunaan buku Iqra' sebagai bahan pengajaran asas.
2. Menganalisis keberkesanannya dalam membantu pelajar membina asas yang kukuh dalam pembelajaran membaca Bahasa Arab.
3. Mencadangkan strategi inovatif untuk mengoptimumkan penggunaan buku Iqra' dalam konteks pembelajaran formal, termasuk integrasi elemen teknologi, latihan kontekstual, dan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar.

Dengan memahami cabaran dan peluang yang wujud, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada usaha memperkuuh pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, menjadikan buku Iqra' sebagai alat pembelajaran yang lebih efektif, relevan, dan seajar dengan keperluan pendidikan moden.

## Kepentingan Kajian

Kajian ini juga membawa kepentingan yang signifikan, sama ada dari segi teori maupun praktikal. Dari perspektif teori, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami

bagaimana pendekatan pengajaran bertahap seperti yang terkandung dalam buku *Iqra'* dapat membantu pelajar membina kemahiran membaca yang kukuh. Manakala sudut praktikal pula, hasil kajian ini dapat membantu guru Bahasa Arab dan institusi pendidikan Islam di Malaysia untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka, memastikan pelajar mencapai tahap kefasihan membaca yang lebih baik (Husna et al., 2021). Penggunaan bahan pengajaran yang relevan dan efektif seperti *Iqra'* bukan sahaja menyokong pembelajaran dalam bilik darjah, tetapi juga memberikan pelajar alat untuk belajar secara kendiri.

### **Penyataan Masalah**

Metode *Iqra'* merupakan pendekatan yang banyak digunakan dalam pembelajaran membaca al-Quran dan bahasa Arab di pelbagai institusi pendidikan Islam. Kaedah ini terbukti berkesan dalam membantu pelajar mengenali huruf Arab, menguasai sebutan yang betul, dan membaca dengan lebih lancar (Khitom & Bahy, 2023). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek penting dalam penggunaan buku *Iqra'* yang masih belum dikaji secara mendalam. Hal ini menimbulkan keperluan untuk penyelidikan lanjut bagi meningkatkan keberkesanannya dalam pendidikan moden. Salah satu permasalahan utama adalah kurangnya kajian yang meneliti secara mendalam kandungan buku *Iqra'* dari segi kefahaman bahasa Arab dan struktur tatabahasa. Buku *Iqra'* lebih menumpukan kepada aspek fonetik dan kelancaran membaca, namun tidak memberi penekanan yang mencukupi terhadap pemahaman makna ayat atau struktur tatabahasa Arab (Yanwari et al., 2021). Ini boleh menyebabkan pelajar hanya mampu membaca tanpa memahami isi kandungan yang mereka lafazkan, sekali gus menjelaskan penguasaan bahasa Arab dalam konteks komunikasi dan pemahaman teks. Selain itu, meskipun teknologi pendidikan semakin berkembang, integrasi digital dalam pembelajaran *Iqra'* masih belum dimanfaatkan secara optimum. Kajian oleh Suharto (2019) menunjukkan bahawa penggunaan perisian Adobe Captivate mampu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, tetapi belum ada penyelidikan menyeluruh yang membandingkan keberkesanannya pembelajaran menggunakan buku *Iqra'* dalam bentuk cetak dan digital (Suharto, 2019). Ketiadaan kajian ini menjadikan sukar untuk menentukan sama ada versi digital buku *Iqra'* dapat memberikan impak yang lebih baik kepada pelajar berbanding versi tradisionalnya. Walau bagaimanapun, metode *Iqra'* sering digunakan dalam kalangan kanak-kanak, namun keberkesanannya dalam pengajaran kepada golongan dewasa masih belum dikaji dengan mendalam. Larasati et al. (2023) menyatakan bahawa program pembelajaran al-Quran menggunakan metode *Iqra'* dalam kalangan pelajar dewasa menghadapi cabaran tertentu, seperti keperluan pendekatan yang lebih kontekstual dan relevan dengan kehidupan mereka (Larasati et al., 2023). Tanpa kajian yang lebih komprehensif mengenai aplikasi *Iqra'* dalam kalangan pelajar dewasa, sukar untuk menyesuaikan metodologi pengajaran agar lebih inklusif dan berkesan untuk pelbagai peringkat umur.

Di samping itu, belum banyak kajian yang menilai kesan metode *Iqra'* terhadap perkembangan neurologi pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Alsulaiman dan Centanni (2023) menyatakan bahawa walaupun terdapat peningkatan dalam pengenalan tulisan Arab dalam kalangan pelajar yang menggunakan *Iqra'*, masih tidak jelas sejauh mana metode ini membantu perkembangan otak dalam jangka panjang (Alsulaiman & Centanni, 2023). Oleh yang demikian, tanpa penyelidikan yang lebih lanjut dalam aspek ini, sukar untuk menilai keberkesanannya metode *Iqra'* dalam membentuk kemahiran literasi yang lebih mendalam dan berkekalan. Oleh itu, metode *Iqra'* menekankan aspek penguasaan membaca, tetapi tidak memberi tumpuan yang mencukupi terhadap kemahiran berbicara dalam bahasa Arab. Kajian Munzir et al. (2024) menunjukkan bahawa kaedah pengulangan dalam metode *Iqra'* berkesan

dalam meningkatkan kemahiran membaca, tetapi tidak memberikan impak yang sama terhadap kebolehan pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab (Munzir et al., 2024). Ini menunjukkan bahawa buku Iqra' mungkin perlu dikembangkan lagi dengan elemen latihan pertuturan untuk memastikan pelajar bukan sahaja dapat membaca tetapi juga memahami dan menggunakan bahasa Arab dengan lebih berkesan dalam komunikasi harian. Maka, permasalahan ini menjelaskan bahawa masih terdapat beberapa aspek penggunaan buku Iqra' yang perlu dikaji dengan lebih mendalam. Justeru, penyelidikan lanjut diperlukan untuk memperbaiki metodologi pengajaran, mengintegrasikan teknologi, menilai impak terhadap pelajar dewasa serta mengembangkan pendekatan yang lebih holistik yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek membaca tetapi juga pemahaman dan komunikasi dalam bahasa Arab.

### **Perbandingan Kaedah Iqra' dengan Kaedah Lain dalam Pembelajaran Al-Quran di Malaysia**

Pembelajaran membaca Al-Quran merupakan aspek penting dalam pendidikan Islam di Malaysia. Seiring dengan perkembangan zaman, pelbagai kaedah telah diperkenalkan bagi membantu umat Islam, termasuk kanak-kanak, mualaf, dan orang dewasa dalam menguasai bacaan Al-Quran dengan lebih berkesan. Antara kaedah yang paling popular ialah Kaedah Iqra', yang telah menjadi pilihan utama di kebanyakan sekolah agama, pusat tafsir, dan institusi pengajian Islam. Namun, terdapat juga kaedah lain yang digunakan seperti Kaedah Qiraati, Kaedah Baghdadi, IFTaR (Iqra' Fast Track Rosnani), dan Neuro Nadi. Setiap kaedah ini mempunyai kelebihan dan kekurangannya tersendiri, bergantung kepada keperluan pelajar dan objektif pembelajaran yang ingin dicapai. Jadual 1.1 di bawah menunjukkan perbandingan antara kaedah Iqra', Qiraati, Baghdadi, IFTaR, dan Neuro Nadi dalam pembelajaran Al-Quran di Malaysia.

**Jadual 1: Perbandingan antara kaedah Iqra', Qiraati, Baghdadi, IFTaR, dan Neuro Nadi dalam pembelajaran Al-Quran di Malaysia.**

Bil.	Kaedah	Kelebihan	Kekurangan	Keberkesan	Kesesuaian
1.	Iqra`	Mudah, cepat, dan sistematis; Tidak perlu mengeja; Sesuai untuk kanak-kanak dan dewasa	Kurang menekankan pemahaman makna ayat; Tidak memberi tumpuan kepada hukum tajwid	Sangat baik untuk belajar membaca dengan cepat	Kanak-kanak dan dewasa yang ingin belajar membaca dengan cepat
2.	Qiraati	Penekanan tajwid sejak awal; Sistem pembelajaran tersusun dengan ujian setiap peringkat	Memerlukan lebih masa untuk mahir; Sukar bagi pelajar tanpa asas huruf hijaiyah	Baik dalam memastikan bacaan yang betul dan bertajwid	Pelajar yang ingin menguasai tajwid dengan lebih mendalam

3.	Baghdadi	Membantu memahami struktur bacaan; Melatih daya ingatan pelajar	Memerlukan masa lebih lama untuk dikuasai; Kurang sesuai untuk pembelajaran moden	Baik dalam menguatkan ingatan tetapi lambat	Mereka yang muahu memahami struktur bacaan secara klasik
4.	IFTaR	Cepat dan efektif untuk mualaf dan pelajar dewasa; Pendekatan moden yang fleksibel	Masih baru dan kurang digunakan secara meluas; Kurang kajian jangka panjang	Sangat baik untuk orang dewasa dan mualaf	Golongan mualaf dan pelajar dewasa
5.	Neuro Nadi	Menggunakan pendekatan saintifik dan neurosains; Meningkatkan daya ingatan dan pemahaman	Memerlukan tenaga pengajar yang terlatih; Belum banyak digunakan di sekolah-sekolah	Sangat baik dalam meningkatkan ingatan dan pemahaman	Pelajar yang ingin menggunakan kaedah saintifik dalam pembelajaran

### **Kaedah Iqra`**

Kaedah Iqra' diperkenalkan oleh Kiai Haji As'ad Humam dan telah menjadi kaedah utama dalam pembelajaran membaca Al-Quran di Malaysia. Keistimewaan utama kaedah ini ialah pengajaran bacaan secara terus tanpa mengeja, yang membolehkan pelajar belajar dengan lebih cepat dan mudah (Hamid & Salleh, 2024).

Kaedah ini terdiri daripada enam jilid buku Iqra', di mana setiap jilid disusun secara sistematik mengikut tahap kesukaran. Kajian mendapati bahawa kaedah Iqra' berkesan dalam mempercepatkan proses pembelajaran membaca Al-Quran, terutama dalam kalangan kanak-kanak (Siregar et al., 2023).

Namun, kaedah Iqra' juga mempunyai kelemahannya. Kaedah ini lebih menekankan kepada bacaan semata-mata tanpa memberi tumpuan kepada pemahaman makna ayat. Ini bermakna pelajar mungkin dapat membaca dengan lancar, tetapi tidak memahami maksud ayat yang dibaca. Selain itu, kaedah ini kurang memberi penekanan kepada hukum tajwid pada peringkat awal, yang boleh menyebabkan kesalahan bacaan pada peringkat seterusnya.

### **Kaedah Qiraati**

Berasal dari Indonesia dan telah digunakan secara meluas di sekolah tahfiz di Malaysia. Berbeza dengan Iqra', kaedah ini menekankan penguasaan tajwid sejak awal pembelajaran, di

mana murid diajar membaca Al-Quran mengikut kaedah bacaan yang betul dan bertajwid (Hamid & Salleh, 2024).

### **Kaedah Baghdadi**

Kaedah Baghdadi merupakan antara kaedah tertua dalam pembelajaran Al-Quran dan pernah digunakan secara meluas sebelum kaedah Iqra' diperkenalkan. Kaedah ini mengajarkan bacaan dengan mengeja setiap huruf dan suku kata sebelum membacanya sebagai satu perkataan. Oleh kerana kekangan masa dan pendekatan yang agak lambat, kaedah ini tidak lagi digunakan secara meluas dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia.

### **Kaedah IFTaR**

Kaedah IFTaR (Iqra' Fast Track Rosnani) merupakan inovasi baharu yang diperkenalkan untuk membantu golongan mualaf dan pelajar dewasa membaca Al-Quran dengan lebih cepat. Kajian mendapati bahawa kaedah ini lebih berkesan dalam membantu pelajar mengenal huruf hijaiyah dalam masa yang lebih singkat berbanding Iqra' (Karim, Hashim, & Hassan, 2022). Namun, kelemahan utama kaedah ini ialah ia masih baru dan belum digunakan secara meluas di institusi pendidikan formal.

### **Kaedah Neuro Nadi**

Kaedah Neuro Nadi merupakan pendekatan moden yang menggunakan kajian neurosains untuk meningkatkan daya ingatan dan kefahaman dalam pembelajaran Al-Quran. Walaupun kaedah ini menjanjikan pendekatan yang lebih moden dan saintifik, ia masih memerlukan kajian lanjut untuk menentukan keberkesanannya secara menyeluruh (Nirwana & Jalil, 2022).

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mencapai objektif utamanya, iaitu menilai keberkesanannya buku Iqra' dalam meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Arab serta memahami cabaran dalam penggunaannya. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia memberikan ruang untuk penyelidik menyelami konteks pembelajaran dengan lebih mendalam, memahami interaksi antara pelajar dan bahan ajar, serta mengenal pasti elemen-elemen yang mempengaruhi proses pembelajaran. Berbeza dengan pendekatan kuantitatif yang berfokus kepada pengukuran statistik, kaedah kualitatif lebih sesuai untuk menilai pengalaman, persepsi, dan cabaran yang wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah agama.

### **Pengumpulan Data**

Data dalam kajian ini dikumpulkan melalui beberapa kaedah utama iaitu dengan pemerhatian secara langsung, temu bual guru dan pelajar dan ujian bacaan al-Quran. Pemerhatian dilakukan di kelas-kelas pembelajaran Al-Quran yang menggunakan kaedah Iqra' untuk memahami pelaksanaan dan keberkesanannya kaedah ini dalam sesi pengajaran.

### **Temu Bual Guru dan Pelajar**

Guru-guru yang mengajar menggunakan kaedah Iqra' ditemu bual untuk memahami cabaran, kekuatan, dan kelemahan kaedah ini dalam pengajaran. Temu bual pelajar dijalankan untuk mendapatkan perspektif mereka terhadap keberkesanannya kaedah Iqra' dalam membantu mereka membaca Al-Quran dengan lebih baik.

### **Ujian Bacaan Al-Quran**

Ujian bacaan dilakukan untuk menilai kemajuan pelajar sebelum dan selepas mengikuti kaedah Iqra'.

#### **Pemilihan Sampel Sekolah**

Untuk memastikan hasil kajian yang lebih menyeluruh, pemilihan sampel sekolah dibuat dalam kawasan Kota Masai, Johor Darul Takzim, yang merupakan sebuah kawasan yang pesat membangun dan mempunyai kepelbagaiannya institusi pendidikan agama. Kajian ini melibatkan sekitar lima buah sekolah agama yang merangkumi Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Menengah Agama (SMA), serta pondok tahniz yang beroperasi di kawasan ini. Kota Masai dipilih kerana ia mempunyai jumlah institusi pendidikan agama yang mencukupi serta komuniti yang aktif dalam pembelajaran Al-Quran, sekali gus memberikan gambaran yang lebih komprehensif terhadap keberkesanan kaedah Iqra'. Kriteria pemilihan sekolah iaitu sekolah yang menggunakan kaedah Iqra' sebagai pendekatan utama dalam pengajaran Al-Quran, sekolah yang mempunyai guru bertauliah dalam pengajaran Al-Quran dan sekolah yang mempunyai jumlah pelajar yang mencukupi untuk membuat analisis keberkesanan kaedah Iqra' ini. Seterusnya, dari aspek komposisi pelajar adalah pelajar dipilih secara rawak berdasarkan tahap pembelajaran mereka dan sampel terdiri daripada pelajar yang baru memulakan pembelajaran serta pelajar yang telah menggunakan kaedah Iqra' untuk jangka masa tertentu.

#### **Pengukuran Keberkesanan Kaedah Iqra'**

Keberkesanan kaedah Iqra' dalam pembelajaran Al-Quran dinilai melalui beberapa pendekatan berikut:

#### **Ujian Bacaan Sebelum dan Selepas (Pre-Test & Post-Test)**

Pelajar diuji sebelum mereka memulakan sesi pembelajaran dengan kaedah Iqra' untuk menilai tahap bacaan awal mereka. Selepas tempoh tertentu (misalnya 3 hingga 6 bulan), pelajar diuji semula untuk melihat peningkatan dalam bacaan mereka.

#### **Pemerhatian di Kelas**

Guru dan penyelidik memantau sejauh mana pelajar dapat membaca dengan lancar dan tepat selepas beberapa sesi pembelajaran menggunakan kaedah Iqra'. Oleh itu, pemerhatian dijalankan di sekolah-sekolah agama yang menggunakan buku Iqra' sebagai bahan ajar utama. Pemerhatian ini bertujuan untuk memahami bagaimana buku Iqra' diaplikasikan oleh guru dalam bilik darjah, serta untuk menilai keberkesanan pendekatan pengajaran terhadap pelajar. Dalam pemerhatian ini, interaksi antara guru dan pelajar dianalisis, termasuk bagaimana guru memanfaatkan buku Iqra' untuk memperkuuh asas pembacaan pelajar. Pemerhatian turut memberikan peluang kepada penyelidik untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi pelajar, seperti kesukaran mengenal huruf Arab, kurangnya motivasi belajar, dan jurang prestasi dalam kalangan pelajar yang cepat memahami dan mereka yang memerlukan bimbingan tambahan.

#### **Penganalisisan Data**

Pendekatan kualitatif ini dilaksanakan melalui dua kaedah utama, iaitu analisis kandungan dan pemerhatian. Analisis kandungan dilakukan terhadap buku Iqra' bagi menilai struktur dan pendekatan pengajaran yang digunakan dalam bahan ini. Buku Iqra' dianalisis dari segi susunan huruf, suku kata, dan elemen pedagogi, seperti kaedah bertahap dan sistematik yang menjadi asas pembelajaran membaca Bahasa Arab. Melalui analisis ini, penyelidik dapat mengenal

pasti kekuatan buku Iqra', seperti penyusunan huruf yang mudah diikuti oleh pelajar, serta kelemahannya, termasuk kurangnya elemen tatabahasa dan kekurangan integrasi teknologi yang relevan untuk pembelajaran moden. Bagi memastikan ketepatan data, pengumpulan maklumat dilakukan secara teliti. Analisis kandungan buku Iqra' dilakukan secara sistematik, manakala pemerhatian di sekolah agama dijalankan secara tidak langsung bagi mengelakkan sebarang bias dalam proses pembelajaran. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah tematik untuk mengenal pasti pola-pola utama yang wujud dalam penggunaan buku Iqra'. Pendekatan triangulasi juga digunakan untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian, iaitu dengan membandingkan daptan daripada analisis kandungan dengan pemerhatian lapangan.

Justeru, kajian ini turut memberikan penekanan kepada konteks tempatan, dengan fokus kepada sekolah-sekolah agama di Kota Masai, bagi memastikan daptan kajian relevan dengan keperluan masyarakat setempat. Namun, metodologi ini tidak terlepas daripada beberapa keterbatasan. Sebagai contoh, pendekatan kualitatif cenderung bergantung kepada subjektiviti penyelidik dalam menafsir data, dan daptan kajian mungkin sukar digeneralisasikan kepada populasi yang lebih luas. Walaupun begitu, langkah-langkah telah diambil untuk mengurangkan bias, termasuk dengan melibatkan triangulasi data dan menggunakan kaedah analisis yang terperinci.

Secara keseluruhannya, pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini memberikan gambaran yang mendalam tentang keberkesanan buku Iqra' dalam meningkatkan kemahiran membaca Bahasa Arab. Metodologi ini bukan sahaja dapat mengenal pasti cabaran yang dihadapi pelajar, tetapi juga dapat memberikan cadangan penambahbaikan yang relevan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan buku Iqra' dalam pendidikan Bahasa Arab di Malaysia.

## **Kemahiran Membaca Bahasa Arab di Malaysia: Pendekatan Tradisional, Cabaran, dan Inovasi melalui Buku Iqra**

### **Pendekatan Tradisional dalam Pengajaran Bahasa Arab**

Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia secara tradisional berfokus kepada kaedah hafalan dan latihan berulang, di mana pelajar diajar mengenal huruf, suku kata, dan bacaan tanpa penerapan teknologi atau konteks moden. Pendekatan ini sering digunakan di sekolah agama dan institusi pendidikan Islam, dengan tumpuan utama kepada penguasaan bacaan al-Quran. Walaupun kaedah ini memberi asas yang kukuh kepada pelajar, ia kurang fleksibel dalam menyesuaikan keperluan pembelajaran pelajar moden yang memerlukan elemen interaktif dan motivasi tambahan (Ahmad & Aziz, 2022; Omar et al., 2021).

### **Cabaran dalam Kemahiran Membaca Bahasa Arab**

Kemahiran membaca Bahasa Arab sering menjadi cabaran bagi pelajar di Malaysia disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah perbezaan sistem abjad antara Bahasa Arab dan bahasa ibunda pelajar, struktur tatabahasa yang kompleks, serta kekurangan bahan pengajaran yang menarik dan berkesan. Selain itu, pendekatan pengajaran yang terlalu berpusat kepada guru dan kurang memberi ruang kepada pembelajaran aktif turut memburukkan keadaan. Ini menyebabkan ramai pelajar menghadapi kesukaran untuk membina asas membaca yang kukuh, terutama mereka yang kurang motivasi dan sokongan pembelajaran di rumah (Rosyada & Amrulloh, 2018; Satria et al., 2019).

### **Keberkesanan Buku *Iqra'* sebagai Inovasi dalam Pengajaran Bahasa Arab**

